

A

PP

lwn.

ABDUL RAHMAN HARUN

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, PULAU PINANG

NORDIN HASSAN PK

[RAYUAN JENAYAH NO: 42A-18-05-2013]

29 OGOS 2014

C

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 - Seksyen 36(3) - Dakwaan bahawa pegawai badan awam memiliki harta berlebihan - Sama ada harta-harta yang dimiliki adalah hasil perbuatan rasuah - Sama ada hakim bicara khilaf apabila mempertikaikan keterangan dan laporan pakar forensik akauntan yang menganalisa maklumat harta responden - Sama ada laporan forensik tepat dan meyakinkan - Mengambil kira sumber-sumber kewangan dan hasil sewaan serta tuntutan-tuntutan responden - Sama ada harta berlebihan dapat dijelaskan secara memuaskan pada tahapimbangan kebarangkalian*

E

SP30, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ('SPRM'), telah mengeluarkan notis di bawah s. 36(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ('Akta tersebut') kepada responden yang ketika itu menjawat jawatan Pengarah Imigresen Pulau Pinang. Pengeluaran notis oleh

F

SP30 adalah bagi mendapatkan maklumat berhubung harta responden dan keluarganya setelah SP30 berpendapat bahawa terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan di bawah Akta tersebut telah dilakukan oleh responden

G

dan harta-harta yang dimiliki oleh responden adalah hasil daripada perbuatan rasuah. Responden dan keluarganya telah mengemukakan maklumat harta secara bertulis dan bersumpah iaitu P29, P30, P31, P32 dan P33. Seorang pakar forensik akauntan bertaualiah ('SP31') telah diminta oleh SP30 untuk menganalisa P29 hingga P33. Seterusnya, SP31 memberi pandangan bahawa harta yang

H

dimiliki oleh responden adalah berlebihan setelah mengambil kira emolumen responden dan keluarganya serta sumber kewangan lain. SP31 telah menyediakan satu laporan berhubung aset responden yang berlebihan ('P61') dan dalam P61 dinyatakan jumlah aset

I

yang berlebihan adalah RM152,081. Menurut pihak pendakwaan, responden gagal memberi penjelasan yang memuaskan berhubung lebih harta ini dan ia merupakan suatu kesalahan di bawah s. 36(3) Akta. Di penutup kes, Hakim Mahkamah Sesyen ('HMS') mendapati pihak pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan

yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Oleh itu, responden A
dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan yang dikemukakan.
Perayu tidak berpuas hati dengan keputusan HMS dan telah
membuat rayuan di Mahkamah Tinggi ini. Perayu menghujahkan
bahawa HMS tersalah arah apabila menggunakan beban
pembuktian yang salah di akhir kes pembelaan. HMS telah B
menggunakan beban keraguan yang munasabah berbanding
imbangan kebarangkalian yang perlu ditunjukkan oleh responden
dalam memberi penjelasan yang memuaskan. Perayu juga
menyatakan bahawa HMS khilaf apabila mempertikaikan keterangan
dan laporan pakar forensik SP31 berhubung jumlah sebenar C
emolumen yang diperolehi oleh responden. Antara emolumen yang
dipertikaikan adalah (i) jumlah sebenar gaji responden dari tahun
1983 hingga 31 Ogos 2009 iaitu tempoh tahun analisa harta
responden yang dibuat oleh SP31; (ii) bonus yang diterima oleh D
responden dalam tempoh tersebut iaitu berjumlah RM46,637.49
yang telah tidak diambilkira oleh SP31. Perayu selanjutnya
menghujahkan bahawa HMS terkhilaf apabila memutuskan wang
hasil sewaan rumah responden dan hasil perniagaan responden dan
isterinya dapat memberi penjelasan untuk aset berlebihan
responden berkenaan kerana tiada keterangan dokumentar yang E
menunjukkan penerimaan wang dan keuntungan hasil perniagaan
yang dinyatakan.

Diputuskan (menolak rayuan perayu; mengekalkan perlepasan dan pembelaan responden):

- F
- (1) Berkaitan dengan pembuktian yang digunakan oleh HMS di akhir kes pembelaan yang dihujahkan lebih rendah iaitu di sebalik keraguan yang munasabah berdasarkan keseluruhan kes, adalah didapati tindakan tersalah arah ini tidak menyebabkan apa-apa ketidakadilan undang-undang dan adalah dapat diatasi di bawah s. 422 Kanun Tatacara Jenayah (*PP v. Ishak Haji Shaari & Other Appeals*, dirujuk). (perenggan 104) G
- (2) Berdasarkan pengertian 'emolumen' dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 (Bab D), adalah jelas maksud emolumen adalah luas termasuk gaji, imbuhan tetap, insentif, elaun dan keuntungan-keuntungan lain. Dari penelitian nota keterangan, SP5 iaitu saksi pendakwaan seolah-olah keliru dengan jumlah sebenar gaji responden dan tidak memberi keterangan yang jelas dan meyakinkan. Penelitian mahkamah pada P9 yang telah dikemukakan oleh SP5 berkenaan jadual gaji dan imbuhan responden semasa kes pendakwaan yang juga antara dokumen yang menjadi asas H I

- A analisa pakar forensik SP31 berhubung sumber kewangan responden jelas menunjukkan ianya hanya sehingga 1 Oktober 2008 bukannya sehingga 31 Ogos 2009. Mahkamah mengambil maklum keterangan pakar SP31 yang dikatakan mengambilkira gaji dan elaun sehingga 31 Ogos 2009. (perenggan 63, 64 & 70)
- B (3) Berhubung imbuhan termasuk bonus yang diterima oleh responden, ianya juga adalah merupakan sumber kewangan sah responden yang seharusnya diambilkira oleh pakar forensik SP31. Walaupun bonus merupakan pemberian budibicara kerajaan, tetapi faktanya imbuhan termasuk bonus yang telah diterima oleh responden dan dibuktikan benar oleh SP5 perlu diambilkira kerana ianya sumber kewangan responden pada tempoh analisa yang dibuat. Jika dapat dipastikan sumber kewangan adalah hasil yang bukan hasil rasuah seperti bonus dan imbuhan lain, ianya hendaklah diambilkira dalam analisa pakar forensik sebagai sumber kewangan. SP31 sendiri juga telah mengambilkira jumlah bonus dan dividen yang diterima oleh responden dari simpanan Lembaga Tabung Haji sebanyak RM49,798 dan Amanah Saham Bumiputra sebanyak RM118,488 semasa mengira sumber kewangan responden. Oleh itu, tiada alasan untuk SP31 tidak mengambil kira imbuhan dan bonus yang telah diterima oleh responden dalam menyediakan laporan P61. (perenggan 72, 73 & 75)
- E
- F (4) Bagi akaun Maybank responden, SP31 telah mengambil jumlah wang responden pada tarikh 8 Jun 2010 iaitu RM48,094. Sekiranya diambil jumlah wang dalam akaun Maybank pada tarikh sepatutnya iaitu 31 Ogos 2009, jumlahnya hanya RM21,377.29. Terdapat perbezaan jumlah RM26,816.71 dan ini dapat mengurangkan lagi jumlah harta lebihan responden sebanyak RM26,816.71. Tindakan SP31 ini telah menjejaskan ketepatan laporan P61. (perenggan 77, 78 & 79)
- G
- H (5) Responden memberi keterangan di mahkamah bahawa ketiga-tiga buah rumah yang dimilikinya telah disewakan. Saksi-saksi tampil memberi keterangan sebagai penyewa dan pengutip sewa rumah-rumah tersebut. Undang-undang mantap adalah jelas bahawa keterangan dokumentar hanya merupakan keterangan sokongan yang boleh meningkatkan kredibiliti saksi dan ketiadaan keterangan dokumentar ini tidak boleh menjadikan keterangan lisan saksi tidak boleh diterima. Penjelasan responden berhubung hasil sewaan rumah adalah munasabah dan lebih berkemungkinan benar dari tidak benar. Hanya semata-mata kerana tiada perjanjian sewaan, tidak
- I

- bermakna rumah-rumah responden tersebut tidak disewakan. Sememangnya sewaan tanpa perjanjian berlaku dalam masyarakat terutamanya antara kenalan rapat atau saudara. Penjelasan responden kepada pihak SPRM ada menyatakan wang sewaan rumah responden sebagai sumber kewangannya. Ini perlu diambilkira oleh SP31. (perenggan 81, 88, 90 & 92)
- (6) Berhubung tuntutan perjalanan dan pertukaran, pihak pembelaan telah mengemukakan senarai jumlah bayaran kepada responden dari Ogos 2007 hingga Jun 2010 yang berjumlah RM26,269.10. Sekiranya diambil kira sehingga 31 Ogos 2009, jumlahnya adalah RM21,868.35. Walaupun tuntutan perjalanan yang mempunyai resit seperti bil hotel merupakan pembayaran balik apa yang telah dibelanjakan, tetapi bagi lojing berdasarkan kadar yang ditetapkan oleh kerajaan memberi keuntungan kepada responden. Begitu juga dengan tuntutan pertukaran yang dibayar sekaligus menurut kadar yang ditetapkan. Ini juga memberi keuntungan dan merupakan sumber kewangan kepada responden. (perenggan 93 & 96)
- (7) Walaupun terdapat keterangan lisan berhubung perniagaan yang dijalankan daripada saksi-saksi dan responden sendiri, tetapi dari aspek keuntungan, hasil perniagaan tidak dapat ditunjukkan secara tepat dan meyakinkan. Ada perniagaan yang menguntungkan dan tidak kurang juga yang menanggung kerugian. Oleh itu, sumber kewangan daripada hasil perniagaan tidak dapat membantu responden dalam memberi penjelasan terhadap harta yang berlebihan. Walaupun penjelasan responden berhubung perniagaan ini tidak meyakinkan, namun ini tidak bermakna penjelasan responden berhubung perkara lain tidak boleh diterima. (perenggan 101, 102 & 103)
- (8) Mengambil kira perbezaan gaji sebenar responden, perbezaan jumlah sebenar wang tunai di akaun Maybank pada 31 Ogos 2009, hasil sewaan tiga buah rumah sewa responden dan hasil tuntutan perjalanan dan pertukaran, mahkamah mendapati harta berlebihan berjumlah RM152,081 dalam pertuduhan terhadap responden dapat dijelaskan secara memuaskan pada tahap imbangan kebarangkalian. (perenggan 99)

Kes-kes yang dirujuk:

- Amathevelli P Ramasamy v. PP* [2009] 3 CLJ 109 FC (*dirujuk*)
- Attorney General v. Hui Kin Hong* [1995] 5 HKPLR 100 (*dirujuk*)
- Che Omar Mohd Akhir v. PP* [1999] 2 CLJ 780 CA (*dirujuk*)
- Haji Abdul Ghani Ishak v. PP* [1979] 1 LNS 23 HC (*dirujuk*)
- Khoon Chye Hin v. PP* [1961] 1 LNS 41 HC (*dirujuk*)

- A** *PP v. Hashim Hanafi* [2003] 8 CLJ 555 HC (*dirujuk*)
PP v. Ishak Hj Shaari & Other Appeals [2003] 3 CLJ 843 CA (*dirujuk*)
The Queen v. Lai Man Yau, Case No. 243 of 1978 (*dirujuk*)
The Queen On The Prosecution of JB Saunders v. The Postmaster-General 1878
3 QBD 428 (*dirujuk*)
- B** **Perundangan yang dirujuk:**
Criminal Procedure Code, s. 422
Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009, ss. 36(1), (3)

Prevention of Bribery Ordinance [HK], ss. 2, 10(1)(a), (b), (1A)
- C** *Bagi pihak pendakwaan - Anthony Kevin Morais; TPR*
Bagi pihak responden - Amirul Ridzuan Hanif (Ahmad Hazalan bersamanya);
T/n Hanif & Co

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

D

PENGHAKIMAN

Nordin Hassan PK:

E **Pendahuluan**

- F** [1] Responden adalah seorang pegawai badan awam dan telah dituduh di Mahkamah Sesyen Pulau Pinang kerana memiliki harta yang berlebihan setelah diambilkira emolumennya dan segala hal keadaan yang berkaitan. Responden dikatakan gagal memberi penjelasan yang memuaskan berhubung lebih harta ini dan merupakan suatu kesalahan di bawah s. 36(3), Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (“Akta tersebut”).
- G** [2] Harta berlebihan yang dinyatakan dalam pertuduhan terhadap responden adalah berjumlah RM152,081. Bagi maksud pemahaman lebih jelas, dinyatakan pertuduhan terhadap responden berserta lampirannya seperti berikut:
- H** Bahawa kamu pada 11.10.2010, di SPRM Pulau Pinang, No. 44, Kompleks SPRM, Jalan Sultan Ahmad Shah, 10850 Pulau Pinang di dalam Daerah Timur Laut dalam Negeri Pulau Pinang sebagai seorang pegawai badan awam iaitu Pengarah Bahagian Pentadbiran, Jabatan Imigresen Malaysia di Putrajaya, didapati memiliki harta wang dan hartanah sebanyak RM817,355 yang terdiri daripada:
- I** (1) akaun-akaun yang dimiliki anda, harta wang sebanyak RM681,355 seperti yang dinyatakan dalam Jadual A di Lampiran 1; dan

- (2) hartanah sebanyak RM136,000 seperti yang dinyatakan dalam Jadual B di Lampiran 2.

A

yang menunjukkan berlebih-lebihan sebanyak RM152,081 setelah di ambilkira emolumen anda sekarang dan yang lalu dan segala hal keadaan yang mana kamu tidak dapat memberikan penjelasan yang memuaskan bagi lebih itu dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 36(3) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.

B

- [3] Lampiran 1 pertuduhan adalah seperti berikut:

C

Jadual A

No:	Akaun	RM
1.	akaun Amanah Saham Bumiputera bernombor 062199395	RM334,245
2.	akaun Lembaga Tabung Haji bernombor 630501033471188	RM299,016
3.	akaun Maybank bernombor 1-58015-05-623-9	RM48,094
	Jumlah Harta Wang	RM681,355

D

E

- [4] Lampiran 2 pertuduhan adalah seperti di bawah:

F

Jadual B

No:	Hartanah	RM
1.	Tanah Lot 4800 PT 34402, Ayer Hitam, Mukim Dengkil, Sepang, Selangor.	RM136,000
	Jumlah Hartanah	RM136,000

G

- [5] Di akhir kes pendakwaan, Hakim Mahkamah Sesyen mendapati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes *prima facie* dan memanggil perayu membela diri.

H

- [6] Di akhir keseluruhan kes, Hakim Mahkamah Sesyen mendapati pihak pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Oleh itu responden dilepaskan dan dibebaskan dari pertuduhan yang dikemukakan.

I

- [7] Perayu yang tidak berpuas hati dengan keputusan Hakim Mahkamah Sesyen telah membuat rayuan di Mahkamah Tinggi ini.

A Ringkasan Fakta Kes

[8] Pada 17 Ogos 2009, SP30, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (“SPRM”) telah mengeluarkan notis (P7(A)) di bawah s. 36(1) Akta tersebut kepada responden yang ketika itu menjawat jawatan Pengarah Imigresen Negeri Pulau Pinang.

[9] Notis di bawah peruntukan yang sama juga dikeluarkan kepada isteri responden SP29 dan tiga orang anak responden iaitu:

- C** (i) P7(B) kepada SP29;
- (ii) P7(C) kepada Anis Izyam binti Abdul Rahman;
- (iii) P7(D) kepada Afiq Affandi bin Abdul Rahman; dan
- D** (iv) P7(E) kepada Amirul Asraf bin Abdul Rahman.

[10] Pengeluaran notis oleh SP30 di bawah s. 36(1) Akta tersebut ini adalah bagi mendapatkan maklumat berhubung harta responden dan keluarganya setelah SP30 berpendapat terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan di bawah Akta tersebut telah dilakukan oleh responden dan harta-harta yang dimiliki oleh responden adalah hasil dari perbuatan rasuah.

- F** **[11]** Bagi mematuhi terma-terma dalam notis yang dikeluarkan oleh SP30 seperti yang dikehendaki di bawah s. 36(1) Akta tersebut, responden dan keluarganya telah mengemukakan maklumat harta secara bertulis dan bersumpah bertarikh 6 September 2009 kepada pihak SPRM iaitu seperti berikut:

- G** (i) maklumat harta responden P29
- (ii) maklumat harta SP29 (isteri) P30
- (iii) maklumat harta Amirul Asraf (anak) P31
- H** (iv) maklumat harta Anis Izyam (anak) P32
- (v) maklumat harta Afiq Affandi (anak) P33

- I** **[12]** Setelah SP30 meneliti P29 hingga P33, SP30 telah meminta SP31, seorang pakar forensik akauntan bertaualiah yang disandarkan di SPRM secara kontrak untuk menganalisa P29 hingga P33 berkenaan.

[13] Beberapa bulan kemudian, SP31 telah memberi taklimat kepada SP30 berhubung hasil analisa yang beliau lakukan terhadap P29 hingga P33. SP31 memberi pandangan bahawa harta yang dimiliki oleh responden adalah berlebihan setelah mengambilkira emolumen responden dan keluarganya serta sumber kewangan lain. A

[14] Seterusnya, SP30 telah mengeluarkan notis di bawah s. 36(3) Akta tersebut bertarikh 5 Oktober 2010 (P45) kepada responden bagi responden memberi penjelasan secara bersumpah atau berikrar berhubung harta yang berlebihan berkenaan. B

[15] Responden seterusnya telah mengemukakan kepada Pengarah SPRM Pulau Pinang, akuan bersumpah bertarikh 9 Oktober 2010 (P56) yang memberi penjelasan berhubung harta yang dikatakan berlebihan tersebut. C

[16] Selanjutnya, SP31 telah menyediakan satu laporan berhubung aset responden yang berlebihan (P61) dan dalam P61 dinyatakan jumlah aset yang berlebihan adalah RM152,081. Jumlah ini juga merupakan asas pertuduhan terhadap responden. D

Peruntukan Undang-Undang E

[17] Seksyen 36(3) Akta tersebut memperuntukkan:

- (3) Jika pegawai Suruhanjaya yang berpangkat Pesuruhjaya dan yang lebih tinggi mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana pegawai badan awam yang kepadanya telah disampaikan notis bertulis yang disebut dalam subseksyen (1) mempunyai, memiliki, mengawal atau memegang apa-apa kepentingan dalam apa-apa harta yang berlebih-lebihan, setelah di ambil kira emolumennya yang sekarang dan yang lalu dan segala hal keadaan yang berkaitan, pegawai Suruhanjaya sedemikian boleh dengan arahan bertulis menghendakinya memberikan pernyataan dengan bersumpah atau berikrar yang menjelaskan bagaimana dia dapat mempunyai, memiliki, mengawal atau memegang lebih itu dan jika dia tidak dapat memberikan penjelasan yang memuaskan bagi lebih itu, dia melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh:
- (a) dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun; dan F
- (b) didenda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai lebih itu, jika lebih itu dapat dinilai, atau sepuluh ribu ringgit mengikut mana-mana yang lebih tinggi. G H I

- A [18] Di bawah peruntukan s. 36(3) ini, jelasnya adalah merupakan suatu kesalahan bagi mana-mana pegawai badan awam yang diberikan notis di bawah s. 36(3) ini, yang gagal memberikan penjelasan yang memuaskan berhubung lebih harta yang dipunyai, dimiliki, dikawal atau dipegang kepentingan dalam harta yang berlebihan tersebut.
- B

[19] Peruntukan s. 36(3) ini mempunyai persamaan dengan s. 10(1), Prevention Of Bribery Ordinance, Hong Kong ("POBO").

Seksyen 10, POBO menyatakan:

- C
- (1) Any person who, being or having been the Chief Executive or a prescribed officer:
- (a) maintains a standard of living above that which is commensurate with his present or past official emoluments; or
- D
- (b) is in control of pecuniary resources or property disproportionate to his present or past official emoluments.
- E shall, unless he gives satisfactory explanation to the court as to how he was able to maintain such a standard of living or how such pecuniary resources or property came under his control, be guilty of an offence.

- F Di bawah s. 2, POBO, 'prescribed officer' telah didefinisikan dan termasuk pegawai badan awam.

- [20] Seksyen 10(1A) POBO ini juga menyatakan bahawa penjelasan yang memuaskan (satisfactory explanation) perlu diberikan kepada mahkamah berhubung bagaimana seseorang itu dapat mengekalkan cara hidup yang mewah, jika dibandingkan dengan emolumen rasminya sekarang dan yang lalu.
- G

- Seksyen 10(1)(b) POBO pula menyatakan penjelasan yang memuaskan perlu diberikan kepada mahkamah berhubung bagaimana seseorang itu mempunyai dalam kawalannya sumber kewangan atau harta yang tidak selaras (disproportionate) dengan emolumen rasminya sekarang dan yang lalu.
- H

Kegagalan memberikan penjelasan yang memuaskan merupakan suatu kesalahan di bawah s. 10(1) POBO ini.

I

[21] Dalam peruntukan ss. 10(1)(a) dan (b), POBO dinyatakan 'official emolument' atau emolomen rasmi tetapi s. 36(3) Akta tersebut menggunakan perkataan 'emolomen' sahaja. Ini adalah antara perbezaan ketara dua peruntukan ini. Oleh itu s. 10(1) POBO hanya mengambilkira emolomen rasmi seseorang sahaja sedangkan di bawah s. 36(3) Akta tersebut, emolomen rasmi dan tidak rasmi perlu diambil kira.

[22] Terlebih dahulu berhubung dengan beban pembuktian, rujukan kepada kes-kes Hong Kong bagi kesalahan di bawah s. 10(1) POBO membantu menjelaskan isu beban pembuktian bagi kesalahan di bawah s. 36(3) Akta tersebut memandangkan terdapat persamaan yang jelas bagi kedua-dua peruntukan ini.

[23] Di dalam kes *Attorney General v. Hui Kin Hong* [1995] 5 HKPLR 100, Mahkamah Rayuan memutuskan di ms. 101 seperti berikut:

(2) Section 10(1) casts a burden of proving the absence of corruption upon a defendant. Under section 10(1)(a), the prosecution has to prove beyond reasonable doubt the accused crown status, his standard of living during the charge period, his total official emoluments during the period and that his standard of living could not reasonably, in all the circumstances have been afforded out of his total official emoluments during that period. Hence what the prosecution has to prove are complex matters despite the wide power of investigation conferred on the ICAC by Prevention of Bribery Ordinance'.

(3) Once the crown has proved this matters the defendant has to give a satisfactory explanation, on the balance of probabilities as to how he was able to maintain an incommensurate standard of living or how disproportionate pecuniary resources or property came under his control. What triggers the explanation requirement is the incommensurateness or disproportion which is unreasonable in the circumstances. No notice shall be taken of any incommensurateness or disproportion unless it is of some substance. The lighter such incommensurateness or disproportion is the less is required by way of explanation for the same.

[24] Dalam kes yang sama, Hakim Bokhary JA menjelaskan lagi berhubung beban pembuktian oleh pihak pendakwaan bagi kesalahan di bawah s. 10(1)(b) di ms. 108 seperti berikut:

So there one has the essence of s. 10(1). And we turn now to how it works in practice. That involves what the prosecution has to do and, if they manage to do it, what the defence has then to do.

A Where the charge is laid under item (b) of s. 10(1), what the prosecution has to prove (apart from the accused's Crown servant status) was dealt with in this way by the Privy Council in *A-G v. Ho Pui Yiu* [1981] HKLR 110 at 112F-H:

B Having proved the amount of pecuniary resources and other assets in the accused's control at (the charge) date, the prosecution must go on to prove his total official emoluments up to the same date, and finally it must establish a disproportion between the two. The words 'disproportionate to' convey the idea that the acquisition of the total assets under the accused's control could not reasonably, in all the circumstances, have been afforded out of the total official emoluments up to that date.

[25] Seterusnya di ms. 109, Hakim Bokhary JA menjelaskan pula apa yang perlu dilakukan oleh tertuduh untuk menunjukkan suatu penjelasan yang munasabah berhubung harta berlebihan seperti berikut:

E What does the accused have to do in order to give a satisfactory explanation as to how he was able to maintain an incommensurate standard of living or as to how disproportionate pecuniary resources or property came under his control?

F In the normal way, the primary facts on which the accused's explanation would be based - such as the existence of any capital or income of his independent of his official emoluments - would be peculiarly within his own knowledge. And it is for him to prove such facts, on a mere balance of probabilities of course.

G Such a position is normal where presumptions are concerned. And, as we have noted, presumptions are by no means invariably incompatible with human rights.

H Moving on, if the accused proves the factual matters on which he based his explanation, what the court must then decide is whether or not such matters might reasonably account for the incommensurate standard of living or disproportionate pecuniary resources property. We take the formula 'might reasonable account for' from this court's judgment in *R v. Mok Chan* [1977] HKLR 605 at 607. That was a s. 10(1)(b) case to which the Privy Council was referred in *A-G v. Ho Pui Yiu (supra)*. and their Lordships said (at 113E-F) that they had no reason to suppose that it had been wrongly decided. By parity or reasoning, what was said about s. 10(1)(b) holds good for s. 10(1)(a).

I Unless something might reasonably account for what it is meant to explain, it can hardly be said to provide a satisfactory explanation for the same.

[26] Selanjutnya berkaitan isu penjelasan yang munasabah ini, hakim Rhind dalam kes *The Queen v. Lai Man Yau*, Mahkamah Daerah Victoria Cr App 632/79 (kes No. 243 tahun 1978) memutuskan:

In considering whether an accused's explanation is satisfactory, I do not think that the approach of Judge Addison (as he then was) in *R v. Li Pui Fun* can be improved upon. What has to be asked, according to that case, is "might the Defendant's story be more probably true than untrue? If a jury were empanelled they would be required to use plain, simple common sense". I also agree that the defendant's explanation has to be looked at, "in the most benevolent way possible, taking a liberal view of it and giving credit for possible faulty recollection in appropriate cases, remembering that probability and not possibility is the key-stone."

[27] Berdasarkan nas-nas yang dinyatakan dan peruntukan s. 36(3) Akta tersebut, apa yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan bagi kesalahan di bawah s. 36(3) ini adalah:

- (i) Tertuduh adalah seorang pegawai badan awam.
- (ii) Tertuduh mempunyai, memiliki, mengawal harta berlebihan atau memegang apa-apa kepentingan dalam harta berlebihan tersebut setelah diambilkira emolumen responden yang sekarang dan yang lalu dan segala hal keadaan yang berkaitan.

[28] Setelah elemen-elemen ini berjaya dibuktikan, tertuduh perlu memberi penjelasan yang munasabah berhubung harta berlebihan berkenaan pada tahap imbalan kebarangkalian.

[29] Berhubung dengan pertuduhan di bawah s. 36(3) Akta tersebut terhadap responden, apa yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan adalah seperti berikut:

- (i) Responden adalah seorang pegawai badan awam.
- (ii) Responden memiliki harta iaitu wang dan hartanah bernilai RM817,355 dengan pecahan seperti di bawah:
 - (a) Jumlah wang tunai RM681,355 (Lampiran 1).
 - (b) Tanah Lot 4801, Mukim Dengkil Sepang bernilai RM136,000 (Lampiran 2).
- (iii) Harta responden berlebihan sebanyak RM152,081 setelah diambil kira emolumen responden yang sekarang dan yang lalu dan segala hal keadaan yang berkaitan.

A [30] Setelah elemen-elemen ini berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan, responden perlu memberi penjelasan yang memuaskan berhubung harta yang berlebihan iaitu RM152,081 tersebut pada tahap imbangan kebarangkalian.

B [31] Bagi menentukan sama ada responden telah memberi suatu penjelasan yang memuaskan, mahkamah perlu meneliti sama ada penjelasan atau cerita yang dinyatakan oleh responden adalah munasabah dan lebih berkemungkinan benar dari tidak benar.

Hujah Perayu

C [32] Pertamanya, perayu berhujah bahawa Hakim Mahkamah Sesyen tersalah arah apabila menggunakan beban pembuktian yang salah di akhir kes pembelaan. Hakim telah menggunakan beban keraguan yang munasabah berbanding imbangan kebarangkalian yang perlu ditunjukkan oleh responden dalam memberi penjelasan yang memuaskan. Oleh itu diujahkan beban yang digunakan terhadap responden adalah lebih rendah dari sepatutnya. Ini memberi kelebihan kepada responden.

E [33] Seterusnya diujahkan bahawa Hakim Mahkamah Sesyen khilaf apabila mempertikaikan keterangan dan laporan pakar forensik akauntan (SP31) yang tidak mengambilkira sumber kewangan responden dari pelaburan saham yang dikatakan berjumlah RM436,747. Dihujahkan bahawa tiada keterangan untuk menunjukkan keuntungan hasil dari pelaburan saham ini.

F [34] Dihujahkan juga bahawa Hakim Mahkamah Sesyen khilaf apabila mempertikaikan keterangan dan laporan pakar forensik akauntan (SP31) berhubung jumlah sebenar emolumen yang diperolehi oleh responden. Di antara emolumen yang dipertikaikan adalah:

G (i) Jumlah sebenar gaji responden dari tahun 1983 hingga 31 Ogos 2009 iaitu tempoh tahun analisa harta responden yang dibuat oleh SP31. Jumlah sebenar gaji responden pada tempoh tersebut dikatakan adalah lebih banyak dari jumlah yang dianalisa.

H (ii) Bonus yang diterima oleh responden dalam tempoh tersebut iaitu berjumlah RM46,637.49 telah tidak diambilkira oleh I SP31.

[35] Berhubung dengan jumlah sebenar gaji responden dalam tempoh berkenaan, perayu berhujah jumlah yang dianalisa oleh SP31 adalah tepat berdasarkan keterangan Penolong Pengarah, Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Perkhidmatan Awam (SP5) dan laporan beliau iaitu P9.

A

[36] Berkaitan jumlah bonus yang diterima oleh responden pada tempoh berkaitan pula, perayu berhujah pakar forensik akauntan (SP31) tidak mengambilkira jumlah bonus yang diterima kerana pemberian bonus adalah budi bicara kerajaan untuk memberikannya atau tidak.

B

C

[37] Perayu selanjutnya berhujah bahawa Hakim Mahkamah Sesyen terkhilaf apabila memutuskan wang dari hasil sewaan rumah responden dan hasil perniagaan responden dan isterinya dapat memberi penjelasan untuk aset berlebihan responden berkenaan.

D

[38] Berhubung hasil sewaan tiga rumah sewa responden ini, perayu berhujah tiada perjanjian sewaan yang dikemukakan dan tiada keterangan jelas terutama keterangan dokumentar berhubung pembayaran sewaan rumah-rumah ini.

E

[39] Seterusnya mengenai hasil perniagaan responden dan isterinya, perayu juga berhujah tiada keterangan dokumentar yang menunjukkan penerimaan wang dan keuntungan hasil dari perniagaan yang dinyatakan.

F

Hujah Responden

[40] Responden pula berhujah beban pembuktian yang digunapakai oleh Hakim Mahkamah Sesyen di akhir kes pembelaan adalah betul iaitu responden perlu menimbulkan keraguan yang munasabah pada akhir kes pembelaan.

G

[41] Mengenai emolumen responden, diujahkan emolumen adalah termasuk gaji bonus dan elaun bulanan. Responden menegaskan bahawa analisa oleh pakar forensik akauntan (SP31) tidak mengambilkira gaji untuk tahun 2009. Ini adalah kerana laporan P9 oleh SP5 tidak mencatatkan gaji untuk tahun 2009. Sebaliknya laporan selanjutnya yang dibuat oleh SP5 iaitu D72 merangkumi gaji bagi tahun 2009 dan adalah lebih tepat lagi.

H

[42] Peguam responden juga berhujah bahawa terdapat keterangan dokumentar iaitu D82 yang menunjukkan keuntungan dari pelaburan saham.

I

- A [43] Selanjutnya peguam responden berhujah bahawa pengiraan pakar forensik akauntan (SP31) tersilap mengambilkira jumlah wang responden dalam akaun Maybank pada tarikh 8 Jun 2010 dan bukan pada 31 Ogos 2009. Pada tarikh 31 Ogos 2009 iaitu tarikh akhir sebenar analisa wang tunai responden hanyalah RM21,277
- B sedangkan pada 8 Jun 2010 wang tunai responden adalah RM48,094. Terdapat perbezaan RM26,817. Ini dihujahkan meningkatkan lebih harta responden dalam analisa pakar forensik akauntan tersebut.

- C [44] Seterusnya berkaitan perniagaan yang dijalankan oleh responden dan isterinya, pihak responden menjelaskan perniagaan-perniagaan tersebut wujud dan saksi-saksi telah memberi keterangan berhubung perkara ini. Keterangan keuntungan dan sumber kewangan adalah dari saksi-saksi seperti SD4 dan SD18.

D **Dapatan Dan Keputusan Mahkamah**

- [45] Berdasarkan pertuduhan yang dikemukakan terhadap responden hanya empat harta yang dianalisa oleh pakar forensik akauntan bagi menunjukkan lebih harta oleh responden. Harta-harta tersebut seperti dinyatakan dalam lampiran 1 dan 2 pertuduhan adalah seperti berikut:
- E

Lampiran 1

- | | | |
|---|---|-------------|
| F | (i) Akaun Amanah Saham Bumiputera
no. 062199395 | - RM332,245 |
| | (ii) Akaun Lembaga Tabung Haji
no. 630501033471188 | - RM299,016 |
| G | (iii) Akaun Maybank no. 1-58015-05-623-9 | - RM 48,094 |
| | Jumlah | - RM681,355 |

Lampiran 2

- | | | |
|---|---|-------------|
| H | 1. Tanah Lot 4801 PT34402
Ayer Hitam, Sepang, Selangor | RM136,000 |
| | Jumlah Keseluruhan | - RM817,355 |

I

[46] Pakar forensik akauntan (SP31) seterusnya telah menganalisa harta responden dan membuat laporan (P61). Dalam keterangan SP31 dan laporan (P61) dinyatakan kelebihan aset responden adalah berjumlah RM152,081. Pengiraan oleh SP31 di ms. 12, P65 adalah seperti berikut:

significant assets as extracted from declaration by Abdul Rahman bin Harun (responden)	- RM817,355	B
derived source of income less outgoing expenses	- RM665,274	C
excess assets	- RM152,081	

[47] Berdasarkan P61 juga SP31 membuat pengiraan dan analisa untuk tempoh dari tahun 1983 hingga Ogos 2009.

[48] Emolumen responden yang lalu dan sekarang yang diambilkira seperti di ms. 14 P61 adalah:

(i) Pendapatan sebagai penjawat awam (1983 - Ogos 2009)	RM993,980	E
(ii) Dividen dan Bonus dari:		
(a) Lembaga Tabung Haji dari tahun 2000 – 2009	RM 49,798	F
(b) Amanah Saham Bumiputera dari tahun 1996 – 2009	RM 118,486	
Jumlah keseluruhan	RM1,162,264	

[49] Dalam P61 di ms. 14 ini juga, diambilkira perbelanjaan responden sekeluarga, pinjaman perumahan dan harta seperti berikut:

	Bayaran bulanan	H
(i) rumah pangsapuri di Bandar Baru, Sentul Kuala Lumpur.	RM 270.00	
(ii) rumah teres dua tingkat di Taman Keramat, Kuala Lumpur.	RM 503.43	I

- A** (ii) rumah teres dua tingkat di Taman Polo Kuantan Pahang RM 955.65
- (iii) kereta proton Waja 1.6 RM 720.00
- B** (iv) kereta perodua Kelisa RM 625.00
- Jumlah keseluruhan RM239,429

C [50] Seterusnya diambilkira jumlah keseluruhan perbelanjaan responden sekeluarga berjumlah RM257,561.

[51] Jumlah keseluruhan perbelanjaan keluar responden untuk tempoh berkenaan adalah $RM239,429 + RM257,561 = RM496,990$.

D [52] Selanjutnya jumlah perbelanjaan keluar ini iaitu RM496,990 ditolak dari jumlah keseluruhan emolumen responden iaitu RM1,162,264 menjadi jumlah RM665,274. Ini adalah jumlah keseluruhan sumber kewangan responden yang diambilkira oleh SP31 dalam menyediakan laporan pakar P61.

E [53] Sumber kewangan responden berjumlah RM665,274 ini ditolak dari jumlah keseluruhan empat aset responden yang bernilai RM817,355 menjadikan lebihan harta responden sebanyak RM152,081.

F [54] Responden seterusnya telah memberi maklumat sumber-sumber kewangan bagi empat harta berkenaan seperti dinyatakan dalam P29 iaitu:

G	Bil	Harta	Punca Kewangan
H	1.	Amanah Saham Bumiputera No. 062199395 berjumlah RM334,244.59	pinjaman bank Kwong Yik dan UMBC, emolumen saham, dividen, bonus, dari hasil perniagaan.
	2.	Tabung Haji no. 630501033471188 berjumlah RM299,016.48	emolumen, hasil perniagaan, dividen dan bonus.
I	3.	Akaun Maybank no. 158015056239 (RM48,094)	gaji dan emolumen.
	4.	Tanah Lot 4801, Ayer Itam, Dengkil Sepang bernilai RM136,000	emolumen, simpanan dividen, saham dan hasil perniagaan isteri.

[55] Lanjutan daripada notis di bawah s. 36(3) Akta tersebut, responden telah memberi penjelasan berhubung harta berlebihan berkenaan melalui akuan bersumpah P56. **A**

[56] P56 secara keseluruhannya seperti juga dinyatakan dalam P29, sumber kewangan bagi hasil yang dikatakan berlebihan itu adalah dari sumber-sumber berikut: **B**

(i) emolumen;

(ii) hasil saham;

(iii) hasil perniagaan; **C**

(iv) dividen dan bonus; dan

(v) pinjaman bank (bagi pembelian saham). **D**

Elemen Pertuduhan Dan Keterangan

[57] Responden adalah tidak dipertikaikan merupakan seorang pegawai badan awam iaitu Pengarah Bahagian Imigresen Malaysia. Keterangan SP5 dan Sijil Perakuan Jawatan (P9) membuktikan elemen ini. **E**

[58] Mahkamah melihat isu utama yang dipertikaikan adalah harta responden yang dikatakan berlebihan sebanyak RM152,081 berkenaan. Laporan pakar forensik akauntan P61 dan keterangan pakar SP31 dipertikaikan oleh pihak pembelaan tetapi cuba dipertahankan oleh pihak pendakwaan. **F**

Emolumen

[59] Pertamanya adalah berkaitan jumlah emolumen responden bagi tempoh 1983 sehingga Ogos 2009. **G**

[60] Emolumen tidak didefinisikan di bawah Akta tersebut.

Dictionary of law oleh LB Curzon Sixth Edition mendefinisikan 'emoluments' seperti berikut: **H**

Some profit or advantage i.e. anything by which a person is benefited. All salaries, fees, wages, perquisites and profit whatsoever.

I

- A *Dictionary of Finance and Banking*, Oxford University Press Fourth Edition mendefinisikan ‘emoluments’ seperti berikut:

Accounts received from an office or employment including salaries, fees, wages, perquisites and other profits as well as certain expenses and benefits paid or provided by the employer, which are deemed to be emoluments. They are subject to income tax.

B

[61] Di dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 (Bab D) emolomen diertikan seperti berikut:

C

Emolomen ertinya segala saraan dalam bentuk wang yang kena dibayar kepada seseorang pegawai dan termasuklah gaji pokok, imbuhan tetap, bayaran insentif dan elaun bulanan lain.

D

[62] Definisi ‘emolomen’ di bawah Bab ‘D’ ini ternyata tidak ‘exhaustive’ dengan adanya perkataan “termasuklah” atau ‘includes’.

E

[63] Berdasarkan pengertian ‘emolomen’ seperti dinyatakan di atas, adalah jelas maksud emolomen adalah luas termasuk gaji, imbuhan tetap, insentif, elaun dan keuntungan-keuntungan lain.

F

[64] Berkaitan emolomen responden, SP5 telah mengemukakan jadual gaji dan imbuhan responden (P9) semasa kes pendakwaan dan P9 ini antara dokumen yang menjadi asas analisa pakar forensik (SP31) berhubung sumber kewangan responden.

G

[65] Walau bagaimanapun semasa SP5 dipanggil semula di peringkat pembelaan, SP5 menyatakan beliau telah menyediakan dokumen yang lebih terperinci dan tepat iaitu D72 dan jumlah keseluruhan gaji, elaun khidmat awam, elaun perumahan, elaun memangku dan bantuan sara hidup responden bagi tempoh dari 1983 hingga Ogos 2009 adalah RM1,018,125.68.

H

[66] SP5 menyatakan D71 dan D72 lebih terperinci dari P9 seperti dalam keterangannya:

SP5: kalau based P9 - yang ini kita diminta oleh SPRM. Saya beri tidak detail sebab fahaman kita, kita beri based on gred dan gaji monthly. Itu sahaja sebab dia minta hanya melalui telefon (muka surat 919 rekod rayuan).

I

SP5: (1) perkiraan P9 ini tidak secara detail

(2) perkiraan P9 juga tidak melibatkan bayaran imbuhan (muka surat 924 rekod rayuan).

[67] SP5 telah menyediakan dokumen terperinci bayaran imbuhan (D71) termasuk bonus yang diterima oleh responden dari tahun 1993 hingga 2009 berjumlah RM46,637.47. A

[68] Kedua-dua laporan D71 dan D72 ini disediakan oleh SP5 berdasarkan buku perkhidmatan dan maklumat dari Bahagian Dasar, Jabatan Perkhidmatan Awam. B

[69] SP5 juga menjelaskan perbezaan jumlah keseluruhan D71 dan D72 berbanding P9 adalah RM948,136.90.

SP5 : Jumlah perbezaan untuk IDD71 dan 1DD72 tolak dengan P9 ialah RM948,136.90 (muka surat 925 rekod rayuan). C

[70] Walau bagaimanapun, semasa disoal semula oleh Timbalan Pendakwa Raya (TPR), SP5 bersetuju pula bahawa P9 adalah tepat. Dari penelitian nota keterangan, SP5 iaitu saksi pendakwaan seolah-olah keliru dengan jumlah sebenar gaji responden dan tidak memberi keterangan yang jelas dan menyakinkan. Walau apapun SP5 bersetuju bahawa senarai gaji dalam P9 hanya sehingga 1 Oktober 2008. Penelitian mahkamah pada eks. P9 juga jelas menunjukkan ianya hanya sehingga 1 Oktober 2008 bukannya sehingga 31 Ogos 2009. Mahkamah mengambil maklum keterangan pakar SP31 yang dikatakan mengambil gaji dan elaun sehingga 31 Ogos 2009, tetapi jelasnya terdapat perbezaan pada perincian dan jumlah antara P9 dan D72. D
E

Imbuhan/bonus

 F

[71] Perkara lain yang memberi kesan kepada laporan pakar P61 adalah imbuhan termasuk bonus dalam D71 yang telah tidak diambilkira oleh pakar forensik (SP31) dalam mengira sumber kewangan responden. Alasan yang diberikan adalah bonus merupakan budi bicara kerajaan untuk diberikan atau sebaliknya. G

[72] Berhubung imbuhan termasuk bonus yang diterima oleh responden, saya berpandangan ianya juga adalah merupakan sumber kewangan sah responden yang seharusnya diambilkira oleh pakar forensik akauntan (SP31). Walaupun bonus merupakan pemberian budi bicara kerajaan, tetapi faktanya imbuhan termasuk bonus yang telah diterima oleh responden dan dibuktikan benar oleh SP5 dan dokumen D71 perlu diambilkira kerana ianya sumber kewangan responden pada tempoh analisa yang dibuat. H
I

- A [73] Pengeluaran notis di bawah s. 36(3) bermula dengan notis yang dikeluarkan di bawah s. 36(1) Akta tersebut dan notis s. 36(1) terhadap responden adalah P7(A). Di bawah s. 36(1) ini, notis akan dikeluarkan sekiranya terdapat alasan munasabah bahawa apa-apa harta seseorang itu dari hasil atau berkaitan dengan kesalahan rasuah. Objektif s. 36(3) jelasnya adalah bagi menentukan hasil berlebihan seorang pegawai badan awam itu bukan dari hasil rasuah.

C Oleh itu juga, jika dapat dipastikan sumber kewangan adalah hasil yang bukan hasil rasuah seperti bonus dan imbuhan lain ianya hendaklah diambilkira dalam analisa pakar forensik sebagai sumber kewangan.

- D [74] SP31 sendiri dalam keterangannya telah mengesahkan perkara-perkara yang akan diambilkira dalam pengiraan aset berlebihan termasuklah harta pusaka, pemberian pasangan tertuduh ataupun penerimaan hasil loteri. Apatah lagi imbuhan atau bonus yang sah diterima dari kerajaan dan dibuktikan berdasarkan keterangan saksi dan dokumen-dokumen.

- E [75] Apa yang lebih menarik, SP31 sendiri juga telah mengambilkira jumlah bonus dan dividen yang diterima oleh responden dari simpanan Lembaga Tabung Haji sebanyak RM49,798 dan Amanah Saham Bumiputera sebanyak RM118,488 semasa mengira sumber kewangan responden pada laporan P61 di ms. 14.

Oleh itu tiada alasan untuk SP31 tidak mengambil kira imbuhan dan bonus yang telah diterima oleh responden dalam menyediakan laporan P61.

- G [76] Jumlah keseluruhan imbuhan termasuk bonus responden seperti dinyatakan dalam D71 bagi tempoh 1993 hingga 2009 adalah RM46,637.47. Walaupun Timbalan Pendakwa Raya menunjukkan terdapat kesilapan pada jumlah bonus untuk tahun 2008 tetapi ianya hanya lebih kurang RM2,395 sahaja. Hakikatnya sejumlah besar imbuhan dan bonus yang tidak diambilkira dalam analisa dan laporan P61.

Tarikh Pengiraan Wang Dalam Akaun Maybank

- I [77] Selain itu, SP31 telah membuat pengiraan harta responden dari tahun 1983 sehingga 31 Ogos 2009. Tarikh akhir pengiraan (cut off date) adalah 31 Ogos 2009. Walau bagaimanapun bagi

akaun Maybank responden, SP31 dalam P61 ms. 18 telah mengambil jumlah wang responden dalam akaun Maybank pada tarikh 8 Jun 2010 iaitu RM48,094 (rujuk penyata akaun P38). A

Sekiranya diambil jumlah wang dalam akaun Maybank pada tarikh sepatutnya iaitu 31 Ogos 2009 jumlahnya hanya RM21,377.29. B

[78] Di sini terdapat perbezaan jumlah RM26,816.71 dan ini dapat mengurangkan lagi jumlah harta lebihan responden sebanyak RM26,816.71.

[79] Pakar forensik (SP31) menjelaskan bahawa beliau memperoleh jumlah RM48,094 ini berdasarkan kepada deklarasinya yang dibuat oleh responden. C

Penjelasan ini sukar untuk diterima kerana SP31 sendiri telah mengesahkan bahawa tarikh akhir (cut off date) bagi analisa harta adalah pada 31 Ogos 2009 seperti yang telah dilaksanakan pada harta-harta lain seperti akaun di Lembaga Tabung Haji dan Amanah Saham Bumiputera. Tindakan SP31 ini telah menjejaskan ketepatan laporan P61. D

Hasil Sewaan Rumah-Rumah Sewa

 E

[80] Responden mempunyai tiga buah rumah, dua buah di Kuala Lumpur dan sebuah di Kuantan. Pemilikan rumah-rumah ini tidak pertikaikan oleh pihak pendakwaan. Dalam laporan pakar (P61) di ms. 14, bayaran bulanan untuk ketiga-tiga buah rumah ini telah diambil kira dalam menentukan jumlah perbelanjaan keluar (outgoing expenses) responden. F

[81] Responden memberi keterangan di mahkamah bahawa ketiga-tiga buah rumah tersebut telah disewakan. Saksi-saksi tampil memberi keterangan sebagai penyewa dan pengutip sewa rumah-rumah tersebut. G

[82] Bagi rumah responden di Bandar Baru Sentul, SD13 menyatakan beliau menyewa rumah responden dari 1999 sehingga 2006 dengan sewaan RM400 sebulan yang dibayar secara tunai. SD14 mengutip sewaan rumah bagi pihak responden dari tahun 1989 hingga 2010 dan mengesahkan perkara ini dalam akuan bersumpah (D59). H

[83] SD17 pula menyatakan beliau ada menyewa rumah di Taman Keramat Permai, Gombak dengan sewaan RM850 sebulan. Bayaran sewaan ini dibuat secara tunai. SD17 menjelaskan tiada I

- A** perjanjian sewaan dibuat dengan responden. Wang sewaan dikutip oleh SD16 dari SD17 dan penyewa-penyewa lain sebelum ini. Wang sewaan ini ada yang dimasukkan dalam akaun BSN responden.
- B** [84] Seterusnya rumah responden di Taman Polo, Kuantan disewa oleh SD21 dengan sewaan RM550 sebulan dan ada wang sewaan yang dimasukkan dalam akaun Maybank milik responden. SD21 mengesahkan tiada perjanjian sewaan dibuat dengan responden.
- C** Tiada sebarang keterangan pula yang menunjukkan ketiga-tiga rumah responden ini tidak disewakan.
- [85] Pakar forensik akauntan (SP31) menjelaskan bahawa hasil sewaan ketiga-tiga buah rumah ini tidak diambilkira kerana tiada perjanjian sewaan dan resit bayaran bagi membuktikan adanya sewaan dibuat.
- D**
- [86] Walau bagaimanapun SP31 bersetuju jika terdapat keterangan sokongan bagi hasil sewaan rumah-rumah responden bagi tempoh analisa yang dibuat jumlahnya adalah seperti berikut:
- E**
- | | |
|-------------------------------------|-------------|
| (i) rumah di Bandar Baru, Sentul | - RM99,800 |
| (ii) rumah di Taman Keramat, Gombak | - RM172,700 |
| (iii) rumah di Taman Polo, Kuantan | - RM11,000 |
| Jumlah keseluruhan hasil sewaan | - RM283,500 |
- F**
- [87] Pakar SP31 dalam keterangannya juga bersetuju ada menerima penjelasan responden walaupun tiada dokumen sokongan diberikan. Keterangan pakar apabila dirujuk P29 adalah seperti berikut:
- G**
- Refer item “premises” Bandar Baru, Sentul, pemberian bapa mertua RM11,000, emoluments RM850, pinjaman HSBC e.tc -
- H** You agree that you have accepted this explanation of pemberian bapa mertua RM11,000.
- That’s correct.
- You agree with me there was no supporting document furnish by him to prove that there was such pemberian in terms of
- I** document?

That's correct.

A

You agree that despite absence of supporting documents, you have taken the approach to accept the explanation, you agreed?

Yes.

B

(muka surat 706 hingga 707 rekod rayuan).

[88] Undang-undang mantap adalah jelas bahawa keterangan dokumentar hanya merupakan keterangan sokongan yang boleh meningkatkan kredibiliti saksi dan ketiadaan keterangan dokumentar ini tidak boleh menjadikan keterangan oral saksi tidak boleh diterima.

C

[89] Mahkamah Persekutuan dalam kes *Amathevelli P Ramasamy v. PP* [2009] 3 CLJ 109 di ms. 121 memetik kes *PP v. Hashim Hanafi* [2003] 8 CLJ 555 yang menyatakan:

D

It cannot therefore amount to that other evidence itself. Thus the record of an information will only enhance the credibility of the witness and the absence of it cannot render the oral evidence of it inadmissible nor can it be a substitute for the evidence that is meant to corroborate:

E

[90] Berdasarkan keterangan saksi-saksi dan nas-nas yang dinyatakan dan mengambilkira saranan yang dibuat dalam kes *The Queen v. Lai Man Yau* (*supra*) iaitu:

... the defendants explanation has to be looked at, "in the most benevolent way possible, taking a liberal view of it and giving credit for possible faulty recollection in appropriate cases, remembering that probability and not possibility is the key stone"
...

F

dapatan mahkamah adalah penjelasan responden berhubung hasil sewaan rumah adalah munasabah dan lebih berkemungkinan benar dari tidak benar. Hanya semata-mata tiada perjanjian sewaan, tidak bermakna rumah-rumah responden tersebut tidak disewakan sememangnya sewaan tanpa perjanjian berlaku dalam masyarakat Malaysia terutama di antara kenalan rapat atau saudara.

G

H

[91] Walaupun terdapat percanggahan atau dipertikaikan kebenaran saksi-saksi SD13 dan SD14, ini tidak bermakna keseluruhan keterangan saksi-saksi ini perlu ditolak mahkamah boleh menerima sebahagian keterangan dan menolak sebahagian yang dibuktikan tidak benar setelah diteliti keseluruhan keterangan yang ada.

I

A (Rujuk kes *Che Omar Mohd Akhir v. PP* [1999] 2 CLJ 780; [1999] 2 MLJ 689, *Khoon Chye Hin v. Public Prosecutor* [1961] 1 LNS 41; [1961] 1 MLJ 105b, *Haji Abdul Ghani Ishak v. Public Prosecutor* [1979] 1 LNS 23; [1980] 2 MLJ 196).

B Corak kemasukan wang dalam bank yang tidak selaras dengan bayaran sewa bulanan oleh penyewa-penyewa juga tidak semestinya menunjukkan tiada sewaan dibayar kerana ada sewaan yang dibayar tunai dan penyata kewangan yang lama tidak dapat dikemukakan di mahkamah.

C [92] Responden dalam penjelasannya (P45) seterusnya ada menyatakan:

D Saya mengumpul wang gaji, hasil perniagaan isteri dan pendapatan lain (sewa rumah) untuk di simpan dalam tabung haji. Duit dalam tabung haji juga bertambah hasil dari dividen dan bonus yang diberikan oleh Tabung Haji.

E Oleh itu, penjelasan responden kepada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah ada menyatakan wang sewaan rumah responden sebagai sumber kewangan beliau. Ini perlu diambil kira oleh pakar forensik (SP31).

Tuntutan Perjalanan Dan Pertukaran

F [93] Berhubung tuntutan perjalanan dan pertukaran, pihak pembelaan telah mengemukakan senarai jumlah bayaran kepada responden dari Ogos 2007 hingga Jun 2010 (D73A) berjumlah RM26,269.10. Sekiranya diambil pengiraan sehingga 31 Ogos 2009 pada D73A jumlahnya adalah RM21,868.35.

G [94] SP31 menjelaskan tuntutan perjalanan tidak diambilkira dalam laporan P6 kerana pembayaran ini merupakan pembayaran balik apa yang telah dibelanjakan.

[95] SD2 juga tidak dapat menjelaskan dari senarai ini sama ada tuntutan mempunyai resit atau tuntutan lojing.

H [96] Walaupun tuntutan perjalanan yang mempunyai resit seperti bil hotel merupakan pembayaran balik apa yang telah dibelanjakan, tetapi bagi lojing berdasar kadar yang ditetapkan oleh kerajaan memberi keuntungan kepada responden. Begitu juga dengan I tuntutan pertukaran yang dibayar sekaligus menurut kadar yang ditetapkan.

Ini juga memberi keuntungan dan merupakan sumber kewangan kepada responden.

[97] Dalam kes Mahkamah Rayuan *The Queen On The Prosecution of JB Sauders v The Postmaster-General* 1878 3 QBD 428 ms. 428. Hakim Cotton LJ menyatakan: A

The substantive question for our decision is whether or not the allowance of travelling expenses is to be taken into account, estimating the annual emolument derived from the office held by the prosecutor. B

I am of the opinion that the profit the prosecutor makes by reason of the saving he effects from the allowances must be taken into consideration in ascertaining that which is given as a standard, "the annual emolument derived by him from his office". C

[98] Justeru itu juga elaun tuntutan perjalanan dan pertukaran juga merupakan sumber kewangan kepada responden terutama bagi tuntutan lojing dan kadar bayaran tetap pertukaran. D

[99] Mengambil kira perbezaan gaji sebenar responden, perbezaan jumlah sebenar wang tunai di akaun Maybank pada 31 Ogos 2009, hasil sewaan dari tiga buah rumah sewa responden dan hasil tuntutan perjalanan dan pertukaran, mahkamah mendapati harta berlebihan berjumlah RM152,081 dalam pertuduhan terhadap responden dapat dijelaskan secara memuaskan pada tahapimbangan kebarangkalian. E

Isu Saham

[100] Berkaitan dengan isu pelaburan saham, saksi-saksi pembelaan sendiri SD7, SD8, SD9, SD10, SD11 dan SD12 tidak dapat mengesahkan keuntungan yang diperolehi dari pelaburan saham. Dokumen D77 dan D82 tidak dapat menunjukkan keuntungan yang dibuat. Oleh itu adalah tepat hasil pelaburan ini tidak diambil kira sebagai sumber kewangan responden. F
G

Isu Hasil Perniagaan

[101] Berbeza dengan isu hasil sewaan rumah sewa responden, suatu perniagaan itu mempunyai risikonya. Ada perniagaan yang menguntungkan dan tidak kurang juga menanggung kerugian. Sebab itu juga dalam perniagaan, walaupun yang kecil, transaksi yang dibuat perlu direkodkan termasuk keuntungan dan kerugian. Pembayaran keluar dan penerimaan wang masuk lebih-lebih lagi wang berjumlah besar amat perlu direkodkan. Dokumen-dokumen seperti baucer, resit, buku lejer, penyata kewangan dan akaun bank adalah penting dalam perniagaan. H
I

- A [102] Walaupun terdapat keterangan lisan berhubung perniagaan yang dijalankan dari saksi-saksi SP29, SD4, SD18 dan responden sendiri, tetapi dari aspek keuntungan hasil perniagaan tidak dapat ditunjukkan secara tepat dan menyakinkan. Saksi-saksi yang memberi keterangan mengenai hasil perniagaan tidak dapat memberi keterangan yang menyakinkan.

Oleh itu, sumber kewangan dari hasil perniagaan tidak dapat membantu responden dalam memberi penjelasan terhadap harta yang berlebihan berkenaan dokumen-dokumen yang lazimnya amat perlu dalam dunia perniagaan.

- C [103] Walaupun penjelasan responden berhubung perniagaan ini tidak menyakinkan kerana alasan-alasan yang dinyatakan, namun ini tidak bermakna penjelasan responden berhubung perkara lain tidak boleh diterima. Dapatan mahkamah adalah berdasarkan saksi-saksi dan keterangan sokongan bagi sesuatu isu yang dijelaskan oleh responden.

Isu Beban Pembuktian Hakim Mahkamah Sesyen

- E [104] Berkaitan beban pembuktian yang digunakan oleh Hakim Mahkamah Sesyen di akhir kes pembelaan yang diujahkan lebih rendah iaitu di sebalik keraguan yang munasabah berdasarkan keseluruhan kes adalah didapati tindakan tersalah arah ini tidak menyebabkan apa-apa ketidakadilan undang-undang (failure of justice) dan adalah dapat diatasi 'curable' di bawah s. 422 Kanun Tatacara Jenayah.

(rujuk kes *PP v. Ishak Hj Shaari & Other Appeals* [2003] 3 CLJ 843)

- G Perbicaraan semula juga tidak sesuai bagi kes ini dan hanya memprejudiskan responden yang telah berjaya memberi penjelasan yang memuaskan bagi harta lebih berkenaan.

Kesimpulan

- H [105] Berdasarkan alasan-alasan di atas, adalah dapatan mahkamah ini bahawa responden telah berjaya memberi penjelasan memuaskan pada tahap imbalan kebarangkalian terhadap harta lebih berjumlah RM152,081 seperti dalam pertuduhan.

- I [106] Justeru itu juga rayuan perayu adalah ditolak dan keputusan perlepasan dan pembelaan responden dikekalkan.